



20 MAR, 2026

Impian THT ulangi gelaran treble berliku

Kosmo, Malaysia



THT berdepan kesukaran untuk mengulangi pencapaian treble musim lalu selepas kehilangan dua tonggak utama yang menyertai musuh utama mereka, TNB.

Impian THT ulangi gelaran treble berliku

JUARA 'treble' Liga Hoki Malaysia (MHL) musim lalu, Pasukan Hoki Terengganu (THT) bakal berdepan cabaran getir dalam usaha untuk mempertahankan kejuaraan pada musim ini selepas kehilangan dua tonggak utama pasukan.

Dua pemain berkenaan, Mohd Akhimullah Anuar Esook dan Syarman Mat Tee memilih meninggalkan skuad tersebut untuk menyarung jersi musuh tradisi, Tenaga Nasional Berhad (TNB) bagi menghadapi saingan musim ini.

Bagaimanapun, Presiden Persatuan Hoki Terengganu (PHT),

Mohd. Fikri Harun menegaskan, ketiadaan kedua-dua pemain itu tidak menjejaskan persiapan pasukannya bagi mengharungi saingan MHL dijadual bermula April depan.

"THT masih memiliki kekuatan tersendiri dengan diperkuatkan pemain-pemain berpengalaman.

"Antaranya bekas pemain TNB kelahiran Terengganu, Mohd Firhan Ashari, bekas kapten kebangsaan, Mohamad Sukri Abdul Mutalib serta dua beradik, Mohd. Fitri dan abangnya, Faizal Saari," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Mohd. Fikri berkata, kira-kira 90 peratus pemain musim lalu masih dikekalkan dalam skuad

bimbingan ketua jurulatih Mohd Harfizi Baharom dan mereka juga sedang mengenal pasti beberapa pemain import bagi menambah kekuatan pasukan.

"Kami akui musim ini agak mencabar untuk THT mengekalkan kejuaraan selepas kehilangan dua tonggak utama yang berhijrah ke TNB. Pasukan (TNB) itu pula dijangka menjadi antara pencabar utama kami kerana difahamkan dibarisi hampir 15 pemain kebangsaan," ujarnya.